

14/11/1997

Malaysia tidak ganas (HL)

TAIPING, Khamis - Rakyat Amerika Syarikat (Amerika) di negara ini tidak perlu takut mengenai keselamatan mereka berikutan kedutaannya di Kuala Lumpur mendakwa ada menerima ancaman bunuh menerusi telefon, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, mereka juga tidak perlu bimbang dengan ugutan yang mengancam keselamatan mereka itu kerana rakyat Malaysia tidak berkelahi dengan rakyat Amerika.

"Saya tidak percaya mereka akan bertindak sedemikian terhadap rakyat Amerika di negara ini kerana rakyat Malaysia bukan ganas," katanya ketika diminta mengulas kenyataan kedutaan Amerika mengenai ugutan itu hari ini.

Kedutaan Amerika pagi tadi meminta rakyatnya di Malaysia berjaga-jaga berikutan panggilan telefon yang mengancam akan membunuh empat warga negaranya ekoran kemelut diplomatik antara Malaysia dengan negara berkenaan.

Dalam kenyataannya yang bertajuk 'Notis Penting Untuk Masyarakat Amerika Di Malaysia' kedutaan itu bagaimanapun berkata, ia tidak dapat memastikan sejauh mana kredibiliti ugutan itu.

Hubungan Malaysia-Amerika tegang berikutan sekumpulan ahli Kongres negara itu mengemukakan usul supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan atau meminta maaf atas kenyataan yang kononnya 'menghina Yahudi'.

Jurucakap Kedutaan Amerika berkata, pihaknya mengambil serius ugutan itu dan sudah memberi amaran kepada rakyatnya di negara ini, termasuk melalui media massa.

Menurutnya, Amerika memandang serius ugutan itu berikutan empat rakyatnya dibunuh dalam kejadian serang hendap oleh sekumpulan lelaki tidak dikenali di Karachi, Pakistan, petang semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Bukit Merah Laketown Waterpark di Bukit Merah, dekat sini, Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir ugutan yang dibuat itu akan disusuli dengan tindakan.

"Ia mungkin sekadar untuk menyatakan kemarahan mereka terhadap perkembangan yang berlaku sekarang," katanya.

Perdana Menteri menegaskan bahawa tiada perkelahian antara rakyat Malaysia dengan Amerika dan beliau sendiri masih mempunyai banyak teman dari Amerika, termasuk orang Yahudi.

Beliau menyifatkan sebagai tidak berasas sama sekali keselamatan orang Amerika di sini terancam dan dakwaan seumpama itu memberi gambaran buruk terhadap rakyat Malaysia, kononnya mereka hendak bertindak ganas terhadap rakyat Amerika.

Di Kuala Lumpur, Kementerian Dalam Negeri menasihatkan Kedutaan Amerika membuat aduan polis berhubung dakwaan ada ugutan terhadap empat warga negaranya, bagi membolehkan siasatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting, berkata kementerian belum menerima aduan rasmi daripada Kedutaan AS berhubung dakwaan itu.

"Kita tetap bersedia untuk bertindak. Jika berasa nyawa mereka terancam, buatlah laporan rasmi dan kita akan ambil tindakan tegas," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, petang ini.

Bagaimanapun, Ong mengingatkan Kedutaan AS supaya tidak terlalu panik dengan keadaan itu kerana kesahihan panggilan terbabit masih belum disiasat dengan teliti.

Ditanya sama ada kerajaan akan memberi perlindungan tambahan kepada warga AS di sini, beliau berkata polis akan menyiasat laporan itu dan

mengkaji situasi keseluruhannya.

"Polis akan memberikan perlindungan keselamatan secukupnya. Polis lebih mahir untuk menentukan keadaan ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Bakri Omar, berkata polis sudah dimaklumkan mengenai panggilan berkenaan dan memandang serius berhubung ugutan itu.

Ketika ini, pihaknya tidak dapat mengesan dari mana panggilan berkenaan dibuat dan tidak dapat memastikan sama ada panggilan itu sah atau tidak.

"Saya mengesahkan telah dimaklumkan oleh pihak kedutaan berkenaan berhubung kejadian ini dan memandang ia sebagai sesuatu yang serius," katanya ketika dihubungi di pejabatnya hari ini.

Di WASHINGTON, Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Dali Hashim mengadakan pertemuan dengan ahli Kongres, Robert Wexler, yang menuduh Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan anti-Yahudi, bagi menjelaskan keadaan sebenar.

Wexler dilaporkan mengajak Dali berbincang selepas mendengar laporan bahawa satu bantahan mungkin diadakan di Kedutaan AS di Malaysia bagi membantah langkahnya membentangkan ketetapan terhadap Dr Mahathir.

Berikutan pertemuan itu, Wexler, dari Parti Demokrat, berharap hubungan Amerika dan Malaysia akan terus baik.

Selepas pertemuan itu, Dali menekankan bahawa Perdana Menteri tidak anti-Yahudi. Wexler pula menanti reaksi Dr Mahathir.

"Saya tidak akan puas hati sehingga Dr Mahathir menangani isu ini secara langsung dan mengakui ulasannya berbahaya," katanya.

"Saya yakin Kerajaan Malaysia akan bersungguh-sungguh mempertingkatkan, bukan menggugat hubungan baik antara dua negara," katanya.

(END)